

MEDIA STATEMENT

IDEAS: Subsidies and Price Ceiling may be used as Short Term solutions to Inflation and Price Hikes, while the development of a Formalised Social Safety Net is needed in the Long Term

Kuala Lumpur, 16 February 2022 - The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) views the inflationary pressures and price hikes that Malaysia is currently facing as temporary and can be effectively controlled through proper monetary and fiscal policies. According to the Department of Statistics Malaysia, the country's inflation, as measured by the Consumer Price Index (CPI), increased 3.2% year-on-year in December 2021, mainly due to the rise in food and fuel prices and on base effect.

IDEAS notes that the US Federal Reserve has signalled that it will increase its OPR multiple times this year in order to tame its own inflation. Malaysia will likely follow suit by increasing its OPR gradually in 2022 and 2023. BNM is expected to increase the OPR by about 50 basis points in the later half of this year.

Commenting on the inflation and price hikes, Dr Juita Mohamad, IDEAS Director of Economics and Business Unit and Acting Director of Research said, "The current rise in inflation is a worldwide issue, stemming from stronger global demand and higher energy prices, after two years of battling the pandemic through the implementation of lockdowns. The pandemic and the lockdowns led to both demand and supply shocks at a global scale. As a small and open economy, Malaysia was not immune to the devastating aftermaths posed by the pandemic. Inflationary pressure is further compounded by the recent floodings in the country, which puts a strain in the supply of selected essential goods produced locally."

"To minimise the negative effects of the price hikes on consumers in the short term, fiscal policies including fuel and electricity consumption subsidies and price ceilings of essential goods have been deployed by the government in the past. However, in the long term, these instruments and interventions need to be rationalised in order to avoid sustained dependence on subsidies and price ceilings, which would not be economically viable over the long term. In our view, a formalised social safety net program needs to be developed to ensure financial assistance and aid can be targeted and funnelled to the vulnerable households and groups effectively and transparently."

Even though the inflationary trend is concerning, IDEAS believes that with the timely deployment of monetary policies, it can be controlled efficiently in the short to medium term. Nevertheless, to minimise the negative impacts of the price hikes on consumers, fiscal policies including subsidies and price ceilings should only be used in the short term. In the long term, the government needs to develop a more structured and shock-responsive social safety net for social protection, so that targeted financial and non-financial aid can be channelled to vulnerable households and groups. This has been previously argued in the IDEAS Policy Ideas No. 69 on “Social Protection for the Poor and Vulnerable Malaysians during COVID-19” accessible [here](#).

--- END ---

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia’s first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit www.ideas.org.my.

For enquiries, please contact:

Zokhri Idris, Ph.D
External Relations Director
zokhri@ideas.org.my

KENYATAAN MEDIA

IDEAS: Subsidi dan Harga Siling mungkin perlu sebagai penyelesaian jangka pendek untuk inflasi dan kenaikan harga, manakala pembangunan satu jaringan keselamatan sosial formal diperlukan untuk jangka masa panjang

Kuala Lumpur, 16 Februari 2022 - Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) berpendapat bahawa tekanan inflasi dan kenaikan harga yang sedang Malaysia alami kini sebagai sementara dan boleh dikawal sepenuhnya melalui dasar kewangan dan fiskal yang sewajarnya. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, inflasi ini sebagaimana yang ditunjukkan oleh Indeks Harga Pengguna (IHP), telah meningkat sebanyak 3.2% tahun ke tahun pada bulan Disember 2021, disebabkan oleh terutamanya kenaikan harga makanan dan bahan api serta kesan asas.

IDEAS mengambil maklum bahawa Rizab Persekutuan Amerika Syarikat telah mengisytiharkan mereka akan menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) beberapa kali pada tahun ini supaya dapat mengawal inflasi. Malaysia berkemungkinan akan mengambil langkah yang sama dengan menaikkan OPR secara beransur-ansur pada tahun 2022 dan 2023. Bank Negara Malaysia (BNM) dijangka akan menaikkan OPR kira-kira 50 mata asas pada separuh kedua tahun ini.

Dr. Juita Mohamad, Pengarah Unit Ekonomi dan Perniagaan merangkap Pemangku Pengarah Penyelidikan IDEAS, ketika mengulas mengenai inflasi dan kenaikan harga berkata, "Kenaikan inflasi semasa merupakan masalah yang berlaku di seluruh dunia, berpunca dari permintaan global yang lebih kuat dan harga tenaga yang lebih tinggi setelah dua tahun mendepani pandemik melalui pelaksanaan sekatan pergerakan. Kedua-dua pandemik dan sekatan pergerakan telah mengakibatkan kejutan permintaan dan bekalan pada peringkat global. Sebagai sebuah ekonomi yang kecil dan terbuka, Malaysia tidak kebal daripada kesan susulan pandemik yang dahsyat. Tekanan inflasi diburukkan lagi oleh banjir yang melanda negara baru-baru ini, menyebabkan ketegangan terhadap bekalan barangan keperluan hasil tempatan terpilih."

"Untuk meminimumkan kesan negatif kenaikan harga terhadap pengguna dalam jangka masa pendek, dasar fiskal termasuk subsidi penggunaan bahan api dan elektrik serta harga siling barangan keperluan telah dilaksanakan oleh kerajaan pada masa lalu. Namun, untuk jangka masa panjang, instrumen dan intervensi ini perlu dirasionalkan agar dapat mengelakkan pergantungan berterusan terhadap subsidi dan harga siling yang tidak berdaya maju secara ekonomi dalam jangka masa panjang. Pada pandangan kami, satu program jaringan keselamatan sosial yang formal perlu dibangunkan untuk memastikan bantuan kewangan boleh disasarkan dan disalurkan kepada isi rumah dan kumpulan terjejas secara berkesan dan telus."

Walaupun trend inflasi membimbangkan, IDEAS percaya bahawa pelaksanaan dasar kewangan yang tepat pada masanya akan dapat mengawalinya dengan cekap dalam jangka masa pendek hingga sederhana. Namun begitu, dasar fiskal termasuk subsidi dan harga siling hanya perlu digunakan untuk jangka masa pendek agar dapat meminimumkan kesan negatif kenaikan harga terhadap pengguna. Untuk jangka masa panjang, kerajaan harus membangunkan satu jaringan keselamatan sosial yang lebih berstruktur dan responsif terhadap kejutan untuk perlindungan sosial supaya bantuan kewangan dan bukan kewangan bersasar dapat disalurkan kepada isi rumah dan kumpulan yang terjejas. Hal ini telah dibahaskan sebelum ini di dalam *IDEAS Policy Ideas No. 69* bertajuk “*Social Protection for the Poor and Vulnerable Malaysians during COVID-19*”. Penerbitan ini boleh diakses di [sini](#).

--- TAMAT ---

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang kompetitif, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Zokhri Idris, Ph.D

Pengarah Perhubungan Luar

zokhri@ideas.org.my